

# ASUHAN BUDI DI DALAM ISLAM

## DIDIKAN KEPADA ANAK-ANAK

### IV

#### TEMPATNYA DI DALAM URUSAN RUMAHTANGGA

Orang-orang yang mendengar siaran Melayu Radio Malaya bahagia kaum ibu tentulah biasa juga terdengar dari satu masa ke satu masa salah seorang kaum ibu Melayu bercakap dari hal urusan rumahtangga ditujukan kepada ibu-ibu Melayu. Tetapi isinya percakapan mereka itu selalu pasal bermasak-masak dan jahit-menjahit sahaja, iaitu perkara yang boleh dikatakan semua orang pun daripada jenis kaum ibu tentu sudah tahu belaka sebanyak sedikit; sekadarkan hendak menambah dengan pengetahuan-pengetahuan tambahan yang dibangsakan “*luxury*” (Luxury) sahaja lagi. Iaitu tambahan-tambahan yang tidak bersangatan mustahaknya bagi kehidupan dan kepentingan berumahtangga, dalam bahasa agama bolehlah disifatkan sekalian itu daripada perkara “*sunat*” sahaja walaupun setengah-setengah daripadanya barangkali layak juga dihitungkan termasuk dalam jenis “*sunat muakad*”.

Maka belumlah ada didengar seorang kaum ibu Melayu yang bercakap pasal mengajar dan mendidik anak-anak atau melatih laku perangai dan budi pekerti anak-anak itu sebagai sebahagian daripada kerja dan urusan dalam rumah juga. Bahkan ada juga setengah-setengah yang menyebut peri kewajipan menjaga “kebersihan” dan bagaimana patut dibuat; tetapi hanyalah kebersihan pihak luar sahaja, tidak menyentuh sedikit pun menyentuh pihak melatih kebersihan hati dan kebatinan, mereka banyak menyentuh pasal mengatur rumahtangga itu sendiri, tetapi pasal mengatur laku perangai anak-anak yang dipelihara dalam rumahtangga itu atau laku perangai diri sendiri pun. Kadang-kadang ada juga terdengar mereka menyebut dari hal kewajipan menjaga daripada penyakit dan bagaimana caranya menjaga itu, serta cara-cara mengubatnya jika sakit atau dapat penyakit; tetapi penyakit yang disuruh jaga itu hanyalah dari pihak tubuh kasar yang zahir dan berdarah daging ini sahaja. Tidak pernah dari pihak tubuh halus atau jiwa dan diri yang batin. Bahkan dari pihak penyakit-penyakit badanita pun tiada pernah mereka

menyebut peri kebodohan percaya bahawa segala penyakit disebabkan oleh hantu syaitan atau “dibuatkan orang” (!) dan kebodohan percayakan alam dukun yang bukan-bukan, atau alam-alam pawang yang berlawanan dengan asas agama Islam. Ini semua patut termasuk dalam bahagian mendidik anak-anak supaya memimpin mereka kepada alur fikiran yang betul; oleh itu tentulah perkara-perkara ini layak mendapat tempat di dalam kerja-kerja urusan rumahtangga juga.

Belum berapa lama dahulu seorang kaum ibu telah bersyarah dari Radio Malaya Kuala Lumpur dalam rancangan “rumah tangga”. Pada permulaannya ada disebutnya rumah itu sekolah yang pertama kepada anak-anak, dan ibu itu guru yang pertama bagi mengajar dan mendidik anak-anak. Tetapi kemudian daripada itu ia pun terus menegaskan bahawa urusan rumahtangga itu hanya terhimpun pada dua perkara sahaja: satu tentang menyelenggarakan makan minum suami dan anak-anak, dan satu lagi menjaga pakaian-pakaian mereka itu serta atur-mengatur dan hias-menghias di dalam rumah. Katanya pada dua itulah tersimpulnya kenikmatan

dan kejayaan hidup tiap-tiap manusia dalam rumahtangganya!!!  
Ada juga disebutnya sedikit pasal mesti bersih dan kemas segala keadaan di dalam rumah; tetapi hanyalah pada perkara-perkara yang di luar, itu pun disebut kadar sambil lalu sahaja, tidak dikira sepenting yang dua perkara itu tadi. Apalagi tentang kebersihan sebelah dalam iaitu mendidik hati, mengatur laku perangai, dan memperhalus budi pekerti (akhlak), tidak tersebut langsung sebagai kewajipan ibu kepada anak-anak yang dipeliharanya di dalam rumahtangga itu.

“Tiada syak lagi kedua-dua perkara yang dikiranya “sehabis-habis penting” (iaitu urusan makan minum dan urusan pakaian dan hias) hanyalah unttuk badan kasar yang akan busuk ini sahaja, tidak ada termasuk kepentingan bagi hati dan jiwa di dalamnya. Padahal hati dan jiwa itulah pihak yang terlebih penting sekali di dalam seluruh susunan kejadian diri manusia. Agama telah datang ialah yang terutamanya kerana itu. Kehidupan manusia yang zahir masa di dunia ini tidakkan menjadi sempurna baik dan jaya, jika anak kuncinya yang sebelah dalam pada hati dan jiwa tidak diasuh, dibela pelihara bagi menumbuhkan laku perangai yang mulia dan budi pekerti yang tinggi. Kita wajib mengira kerja memberi didikan hati dan budi pekerti kepada anak-anak itu termasuk di dalam tanggungjawab urusan rumahtangga, kerana tempat memberinya ialah di rumah, dan orang yang memberinya mestilah ibu bapa, istimewa ibu.

Ada juga orang-orang ahli agama bersyarah dengan menyebut sedikit pasal membaiki adab perangai dan kesopanan, menggemari berbuat baik dan menjauhi jahat – sama ada bersyarah dari radio atau dalam setengah-setengah khutbah Jumaat cara baharu, ataupun masa mengajar agama di masjid, di surau, di pondok, atau di rumah. Tetapi jalan yang digunakan oleh mereka sentiasa berasas di atas penggerak “umpan” dan penggerak “takut” – umpan daripada pahala dan

syurga, takut daripada dosa dan siksa dan kemurkaan Tuhan. Tiada sedikit pun dipakai mereka jalan menyeru akal fikiran dan perasaan kepatutan dan insaf adil yang sedia terima dalam tabiat kejadian manusia. Bahkan mereka berpegangan akal itu lain dan suruh larangan Tuhan itu lain pula, tiada boleh bersetuju antara keduanya! Dan lagi ajaran-ajaran dan seruan-seruan mereka itu sentiasa tiada keluar daripada garisan kitab-kitab ‘ulama dan kata-kata ‘ulama, dan dan fahaman-fahaman ‘ulama yang telah lalu, walaupun setengah-setengah pendapat ‘ulama itu telah menjadi kuno dan reput sendiri, tidak bersetuju lagi dengan keadaan hal dan kehendak-kehendak zaman sekarang. Mereka tiada pernah berani mencungkil fikiran sendiri dan menunjukkan hajat-hajat keterangan daripada timbangan sendiri. Oleh itu sangat jarang yang didapati ajaran-ajaran akhlak mereka dan seruan-seruan “berbuat baik dan menjauhi jahat” yang mereka serukan itu ditumpukan kepada timbangan akal fikiran yang insaf. Pendeknya boleh dikata mereka tiada pernah memakai jalan yang menyeru kepada akal atau yang membangkitkan kesedaran akal kepada baik dan jahat. Tetapi cara-cara ajaran dan seruan yang demikian sudah tawa dan tidak boleh memberi bekas lagi kepada anak-anak dan orang muda-muda lelaki dan perempuan yang sudah berpelajaran serta sudah tahu dan terlatih memakai akal fikiran mereka sendiri. Orang-orang yang demikian sentiasa terasa Tuhan itu adil dan tiada sekali-kali zalim, suka membakar-bakar hamba-Nya kerana tiada taat buta kepada kata-kata ‘ulama, atau kerana tiada dapat menerima sesuatu ajaran yang tiada diterangkan kepatutannya dan kebenarannya kepada timbangan akal mereka sendiri.

Satu perkara yang sangat penting yang boleh dibuat oleh ibu dalam hal mengelolakan urusan rumahtangganya itu ialah melatih anak-anaknya pada perangai benar dan bercakap benar dalam segala perhubungan mereka itu. Anak-anak perempuan umpamanya yang tengah mulai menjular besar hendaklah diajar memelihara

kehormatan dirinya atas azamnya sendiri dengan jalan sentiasa berkelakuan benar dan bercakap benar; mesti sentiasa berterang-terang dan jangan bersembunyi-sembunyi atau malu-malu kepada ibu bapa dalam sebarang hal perhubungannya dan perasaannya terhadap siapa-siapa orang muda laki-laki kawan-kawannya atau kenalannya. Yang demikian terutama sekali jika anak-anak perempuan yang telah mendapat asuhan pelajaran cara zaman sekarang, dan oleh itu telah terhak diberi kebebasan sebanyak sedikit di dalam percampurannya dan pergaulannya dengan jenis laki-laki. Maka sebarang hal perhubungan hati di antaranya dengan salah seorang jenis laki-laki itu baik perhubungan surat atau lainnya hendaklah disampaikan kepada pengetahuan ibu bapa dengan bercakap benar dan berterang-terang. Sementara itu akal fikirannya dan timbangan insafnya hendaklah sentiasa juga diasuh dan dididik berkenaan dengan memelihara kehormatan dirinya, memelihara maruahnyanya, memelihara namanya sendiri dan nama ibu bapanya, dan terutama sekali memelihara larangan Tuhannya!!

Demikian pula pada anak laki-laki, hendaklah diasuh dan dididik jangan segan-segan dan takut-takut bercakap benar kepada ibu bapa dalam semua hal yang mengenai hatinya dan perasaannya terhadap seseorang jenis perempuan. Tiap-tiap hal yang demikian itu hendaklah disampaikan kepada pengetahuan ibu bapanya. Tetapi yang terutama mempunyai bahagian di sini ialah bapa, sungguhpun di antara ibu dengan bapa itu walau pada anak perempuan atau anak laki-laki tiada boleh berasing-asing betul tanggungannya. Melainkan yang betulnya hendaklah sentiasa sampai menyampai antara keduanya ibu dan bapa itu, sentiasa bermesyuarat dan bermuafakat bagaimana panduan dan pimpinan dan nasihat yang hendak diberi kepada anak itu, masing-masing mengikut layaknya apabila mereka telah bercakap benar itu, baik anak laki-laki atau anak perempuan. Apabila anak itu telah bercakap benar atau telah menyampaikan apa-apa khabarnya dengan benar demikian itu maka hendaklah bersama-sama di antara ibu dan bapa itu menimbang dan memikirkan jalan yang sebaik-baiknya

hendak diperbuat.

Pendek kata ibu dengan pertolongan bapa dan bapa dengan pertolongan ibu, hendaklah berusaha membetulkan kedudukan hal yang selama ini hanya berdiri di atas asas “tak percaya” dan “bersembunyi-sembunyi” dan “paksa” sahaja terhadap anak itu. Yang demikian tidak munasabah lagi bagi anak-anak yang telah mendapat pelajaran cara sekarang. Mereka berhak diberi kebebasan dalam had yang patut memilih suami sendiri atau isteri sendiri. Tetapi asasnya tidak lain daripada perangai bercakap benar dan percaya mempercayai di antara “raja” dan “suri rumahtangga” itu dengan anak-anaknya, baik anak laki-laki atau anak perempuan.

Ini hanyalah satu daripada berpuluh macam perkara didikan yang boleh diberi oleh ibu bapa kepada anak-anaknya sebagai menunaikan kewajibannya mengurus dan memerintahkan rumahtangga itu dengan segala isinya. Jika ibu itu hanya mengambil bahagian tentang menyelenggarakan makan minum dan pakaian sahaja, dan bapa itu hanya tentang berusaha mengadakan nafkah dan belanja, tetapi tentang didikan perangai dan budi pekerti anak-anak tidak diambil tahu, nescaya tiadalah cukup keduanya itu menyempurnakan kewajipan rumahtangganya.

Melatih anak-anak dalam segala perkara akhlak atau budi pekerti ini seperti yang telah disebut dalam makalah-makalah yang dahulu hendaklah dari masa anak-anak itu masih kecil; dan cara-cara membuatnya itu (diulang lagi) ada tentangnya dengan menggunakan “umpan” bagi menggalakkan dan menggunakan tabiat taat serta kasihkan ibu bapa yang memang sedia ada termeterai dalam kejadian anak-anak itu; ada tentangnya dengan menggunakan penggerak takut kena hukum, takut malu dan sebagainya dan ada tentangnya pula dengan menggunakan jalan-jalan yang menyeru kepatutan akal dan perasaan timbangan yang insaf di dalam diri anak-anak itu. “Umpan” sahaja atau “takut” sahaja, lembut sahaja atau keras sahaja, manja sahaja atau marah sahaja,

tentulah tiada boleh menjadikan betul. Sedangkan Tuhan sendiri pun ada tentangnya lembut, ada tentangnya keras, ada tentangnya rahmat dan ada tentangnya azab. Dalam pada itu walau macam manapun adalah sifat rahmatnya atau lembutnya dan kasih sayangnya sentiasa terkeatas dan lebih meliputi daripada sifat kekerasannya dan kemurkaannya, seperti tersebut di dalam Quran (*qāla ‘adhābi uşibu bihi man ashā’u warahmatī wasiāt kulla shai’in*: surah al-A‘raf 156.) Erti firman-Nya “siksaku aku kenakan dia kepada barangsiapa yang aku kehendaki, dan belas kasihanku liput memberi tempat akan segala perkara...” dan tersebut dalam suatu hadis yang dikeluarkan oleh Bukhārī daripada Abī Hurairah sabda Nabi SAW (*lammā khalaqa Allāh al-khalqa kataba fī kitābihi huwa yaktub ‘alā nafsih: inna rahmatī taghlibu ghaḍabī*) Ertinya: “Tatkala Allah Ta‘ālā telah menjadikan segala makhluk, ia telah menuliskan di dalam suratannya yang ia mewajibkan di atas dirinya : “bahawasanya belas kasihanku mengalahkan murkaku.” Maka ini bersetujulah dengan firman Tuhan pada tempat lain di dalam Quran (*kataba rabbukum ‘alā nafsihi rahmah*: surah al-An‘am 54) ertinya “Tuhan kamu telah mewajibkan di atas dirinya bersifat rahmat dan belas kasihan” tetapi tidak pernah tersebut dia mewajibkan di atas dirinya sifat yang sebalik daripada itu.

Maka begitulah juga sepatutnya ibu bapa hendaklah menggunakan cara lembut dan cara keras, cara marah dan cara kasihan, cara “hukum” dan cara ampunan pada masing-masing tentangnya dan layaknya. Tetapi walau macam mana pun dan walau apapun kekerasan yang dilakukan maka asas kasih sayang dan tujuan hendaklah menjadikan anak itu baik adalah meliputi segala kemarahan dan kekerasan itu. Pendeknya bukan hanya keras, garang dan bengkung semata-mata dengan tiada tujuan baiknya.

Jalan dan cara-cara yang betulnya bagi memberi latihan dan didikan yang baik kepada anak-anak itu telah dinyatakan cukup penuh dan terang dalam bahagian-bahagian makalah ini

yang telah lalu, dan tiada berkehendak diulang lagi di sini.

Tetapi malangnya oleh sebab jalan dan cara-cara yang diikuti itu kerap kali cara yang tiada betul maka itulah sebabnya kerap kali tiada termasuk ajaran dan didikan itu menjadi darah daging ke dalam batin diri anak-anak hingga tertanam kepadanya jadi perangai dan budi pekerti yang mulia. Misalnya mereka berbuat bohong juga kepada ibu bapanya dan orang-orang lain terkadang mencuri juga, terkadang menipu juga, terkadang menggelapkan atau memakan duit orang juga, makan suap juga, tiada amanah juga, dan berbagai-bagai lagi. Mereka sedia sahaja hendak merebut peluang berbuat jahat dan mahu berbuat lain-lain kesalahan dan kejahatan dan kecemaran pun apabila termeling sahaja mata orang daripadanya atau apabila disangkanya perbuatannya itu tidak akan diketahu orang! Padahal yang sepatutnya ia hendaklah sedar dan terasa di dalam dirinya sendiri bahawa jika orang tiada tahu pun tetapi Allah Ta‘ālā tentu tahu juga, dan perbuatan itu tetap salah juga, dan hatinya sendiri pun tetap mengatakan perbuatan itu salah juga, maka hendaklah ia merasa malu kepada Allah dan kepada dirinya sendiri. Dengan demikian akan terjauhlah ia daripada melakukan kesalahan atau kejahatan di dalam sulit, bahkan walau dalam gelap sekalipun yang tidak ada khawatir apa-apa akan dapat diketahui orang perbuatannya itu. Sayogianya inilah perasaan yang mesti ditanamkan ke dalam hati anak-anak dari masa kecilnya berkenaan dengan larangan jangan berbuat sebarang apa perkara yang salah dan jahat.

Satu contoh yang menunjukkan jalan yang telah dipakai dari mula-mula dahulu tiada betul ialah umpamanya anak itu tiada takut akan ibu bapa yang menyuruh atau melarangnya itu bahkan ia melawan pula! Misalnya apabila ibu atau bapa atau siapa-siapa penjaganya melarang anak itu suruh berhenti menangis, ditempi-tempikkannya dengan suara yang kuat dan marah : “Diam! Diam!! Diam!!!” tetapi anak itu tiada perduli

juga, tiada takut dan tiada berhenti daripada menangis sebagaimana yang disuruh itu; malahan ia makin menangis lagi menjerit-jerit sama kuatnya seperti tempik orang yang menyuruh diam itu pula! Ia berhentak-hentak melawan!! Jikalau ia besar tentulah ditijunya orang yang hendak mengerasi dia itu! Yang demikian nyatalah menunjukkan anak itu tiada diajar takut dari mula-mula dahulu apabila ia berbuat jahat. Barangkali apabila dimarahi anak itu oleh siapa-siapa yang besar kuasa di dalam rumah itu maka ada sahaja orang yang memenangkannya. Barangkali emaknya atau neneknya, ataupun barangkali jika memanjakan anak itu sangat dijauh-jauhkan sehingga “dipijakkannya kepala” pun disukai juga!! Padahal jalan yang betul telah dipakai dari mula-mula dahulu nescaya sekali sahaja berbunyi keras suara, atau sekali sahaja dipandang dengan mata marah, maka anak itu pun diamlah senyap tiada berani mendecit, apa lagi berhentak-hentak melawan! Kemudian bila baik semula ia pun balik berani, hingga bermain-main dengan sukanya dengan orang yang telah memarahi dia itu, tak takut apa-apa lagi!!

Satu lagi contoh ialah ibu bapa yang suka mencarut-carut memaki-maki dan menyumpah-nyumpah apabila marah akan anaknya. Itu pun sangat tiada betul juga, apa guna mencarut, memaki dan menyumpah-nyumpah?? Dan terkadang-kadang ditambah pula kata nak diterajang, nak ditendang, nak dipijak-pijak, nak dihempaskan anak itu ke pokok kayu dan sebagainya! Kalau tidak mencarut, tidak menyumpah dan tidak mengeluarkan kata-kata yang kasar demikian tidakkah boleh mengajar anak itu?? Akan tetapi walaupun dengan mencarut dan menyumpah-nyumpah dan sebagainya itu, biasanya dilihat tidak juga diambil pot oleh anak itu! Sebaliknya dia semakin jadi tidak beradab kepada ibu bapanya: jika dipanggil dia sampai berpuluh kali pun terjerit-jerit tidak juga ia menyahut atau datang!! Jadinya si ibu atau si bapa itu juga sendiri yang kalah, apalah

faedahnya mencarut, menghamun-hamun dan menyumpah mengutuk itu?? Sementara itu kerendahan hati dan kekasaran perasaan diri ibu bapa itu sendiri ternyata kepada orang-orang berakal yang mendengar segala carut dan sumpah seranahnya itu!! Tidakkah anak itu akan terikut tauladan itu hingga ia telah besar pun kelak?? Siapakah yang salah jika ia jadi begitu??

Lagi satu misalannya cara melatih yang tiada betul ialah selalu bercakap atau berbuat apa-apa yang memasukkan ke dalam perasaan anak-anak itu bahawa mereka dihantar bersekolah adalah tujuannya supaya dapat kerja baik, gaji besar, dan senang hidup!! Adapun pasal tujuan hendaklah membaiki sifat-sifat diri yang kekurangan, hati, fikiran, pengetahuan dan sebagainya tidaklah disebut-sebut, kerana bukan itu yang dikehendaki!! Melainkan yang diangan-angan dan dicita-cita hanya kerana baik, gaji besar, senang hidup sahaja!!... Padahal alam pengetahuan dan pelajaran tidaklah sekali-kali patut dipandang tujuannya kepada pangkat, gaji, dan keuntungan diri. Yang demikian itu ialah jalan fikiran orang barat yang disebut mereka “*hedonism*” (hedonism) dan “*utilitarianism*” (utilitarianism) yakni apa-apa perbuatan pun mestilah ditimbang daripada gunanya, faedahnya dan nikmatnya kepada diri sendiri, istimewa faedah kebendaan dan keduniaan daripadanya. Adapun falsafah Timur dan Islam tidak begitu, melainkan selalu menuju kepada tujuan faedah yang lebih halus, lebih tinggi dan lebih luas. Umpamanya belajar dan menuntut ilmu ialah supaya jadi pandai, bijak, berguna kepada manusia dan kepada dunia; supaya membaiki pihak hati, otak, fikiran, kebatinan, jiwa dan rohani juga supaya dapat berbuat kebajikan kepada orang lain, bukan bagi faedah diri. Yang demikian ialah falsafah akhlak yang disebut “*altruism*” (altruism) adapun balasan baiknya sekalian itu akan mendatang sendiri dengan tak payah dicari-cari, jika

betul-betul dikerjakan dengan ikhlas seperti yang tersebut itu. Kata Arif (*akrimū al-‘ulūm tukrimukum al-‘ulūm*) ertinya: “muliakan olehmu ilmu nescaya ilmu kelak memuliakan kamu.”

Lagi satu yang tiada betul ialah menggalakkan fikiran anak-anak yang sudah lulus sekolah supaya mereka dapat kerja yang banyak “duit luar”, kerana kerja demikian itulah kerja yang baik!! Apakah erti “duit luar”? ialah “duit suap” yakni pemberian dari orang selain daripada gaji, kerana menolong mereka mendapat apa-apa di luar undang-undang dan keadilan, atau menolong mereka terlepas daripada sesuatu kesalahan!! Dengan demikian berapa orang yang telah terbuang kerja, kena jel, busuk nama dan sebagainya: dan sekalian itu tak dapat tidak asalnya telah bermula dari kurang ajaran dan latihan atau dari sebab salah asuhan dan didikan dari ibu bapa di rumah.

Lagi satu ialah tentang perangai amanah, iaitu tiada biasa dikuatkan atau dicontohkan oleh ibu bapa daripada kelakuannya sendiri di rumah. Barangkali juga ibu bapa itu sendiri orang yang cukup amanah, cukup bersifat kepercayaan; tetapi tiada mereka kuatkan perangai itu kepada anak-anaknya. Yang demikian keraplah terjadi apabila anak-anak itu sudah besar maka tiada boleh dia memegang wang orang. Lekas sahaja gelap mata lalu dipakainya, dibelanjakannya - wang kerajaan, wang syarikat, wang kelab dan sebagainya. Kerana mereka suka berbelanja lebih daripada kemampuannya.

Maka perangai gemar berbelanja lebih daripada kemampuan ini pun – dan bermacam-macam lagi seumpamanya seperti perangai suka berboros (habur), suka membuang-buang (membazir), suka berhutang, tiada tahu berjimat cermat pada belanja dan harta benda – semuanya itu tersebut sebahagian besarnya daripada kekurangan latihan atau kekurangan tauladan membiasakan yang sebaliknya kepada anak-anak masa mereka masih sedang dalam didikan ibu bapa di rumah. yang demikian nyatalah bahawa pekerjaan melatihnya. Ini patut benar dihitung

termasuk jadi satu bab yang besar dalam kerja-kerja yang disebut “urusan rumahtangga” itu. Bahkan bukan ini sahaja, tetapi juga semua pekerjaan mendidik anak-anak pada segala adab perangai dan tingkah laku yang baik, dan bukan patut jadi bab “yang terbesar” sahaja, tetapi patut jadi bab “yang terbesar sekali.”

Sekianlah pada kali ini. Dalam sambungan yang penghabisa kelak akan dijawab bahaskan sedikit dari hal “kewajipan ibu bapa kepada anak-anaknya.”

---

Di dalam hati itu ada dua ilham: satu ilham daripada malaikat menjanjikan kebaikan dan membenarkan barang yang hak dan satu ilham daripada musuhmu (iaitu syaitan) yang menjanjikan kejahatan dan mendustakan barang yang hak dan menegah daripada dikembalikan. (maksud hadis riwayat Tirmidhī dan al-Nasā’ī)

Syeikh Abdul Rahman  
Muhammad Syibli  
Sarawak di Mekah  
peti surat  
nombor 188

## SYEIKH MEKAH



Telegram Syibli Mekah

Sedia menyambut dan menjaga segala urusan saudara-saudara di Mekah, di Madinah, di ‘Arafah dan di Mina dengan sepenuh-penuh puas hati. Tambang dan apa-apa perbelanjaan menurut apa yang ditetapkan oleh kerajaan yang Maha Mulia ini ibn Sa‘ud yang sentiasa memelihara keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan sekalian yang mengunjungi tanah suci yang sedia teratur perhubungan secara moden dengan belanja yang murah.

Bersyeikhlah dengan Syeikh Syibli  
yang berdekatan dengan Masjidil Haram